

10 NOV 2003

ABDULLAH-BSKL

SEBANYAK 44 SYARIKAT DISENARAI DI BSKL DENGAN NILAI PASARAN RM21.3 BLN
DARI JAN-OKT 2003

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata sebanyak 44 syarikat telah disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dalam tempoh 10 bulan pertama tahun ini dengan nilai pasaran sebanyak RM21.3 bilion.

Beliau berkata, jika pada awal tahun ini tawaran IPO telah mengalami kurangan langganan, kini IPO mendapat lebih langganan sebanyak purata 21 kali.

Pada masa yang sama, harga semasa penyenaian telah mencatatkan premium sebanyak purata 50 peratus, kata Abdullah yang juga Menteri Kewangan ketika membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan (2004) di Dewan Negara, hari ini.

Beliau juga berkata, bahawa sebaik sahaja Bajet 2004 dibentangkan, agensi penarafan Standard & Poor's telah menaikkan kedudukan penarafan kredit jangka panjang berdaulat negara dari BBB+ kepada A-.

"Ini bukan sahaja mencerminkan keyakinan agensi antarabangsa terhadap kekukuhan ekonomi dan kewangan negara, malahan lebih penting ialah pengiktirafan terhadap dasar dan strategi yang efektif dan pragmatik yang telah dilaksanakan oleh kerajaan," katanya.

Bajet 2004 telah dibentangkan pada 12 Sept 2003 oleh Perdana Menteri dan Menteri Kewangan ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Abdullah berkata kesemua perkembangan positif itu mendorong kepada pengukuhan ketara sentimen pelaburan dengan indeks komposit BSKL melonjak tinggi dari 632 mata pada 2 Jan kepada 817 mata pada 31 Okt, paras tertinggi dicapai sehingga kini bagi tahun ini.

Jumlah transaksi pula meningkat kepada 1.4 bilion unit dengan nilai pasaran mencecah hampir RM650 bilion berbanding 107 juta unit bernilai RM473 bilion pada 2 Jan 2003.

Perdana Menteri berkata, transaksi urusan runcit kembali rancak dengan jumlah dagangan hampir separuh daripada jumlah dagangan keseluruhan, berbanding 40 peratus pada awal tahun ini.

Katanya, urusan pelabur asing pula kembali cergas dengan jumlah urusan meningkat hampir empat kali ganda kepada RM13.8 bilion pada bulan Okt berbanding RM3.7 bilion pada bulan Jan 2003.

Abdullah berkata, untuk meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara, sumber pertumbuhan baru perlu dikenali dan diterokai.

Katanya, sektor perkhidmatan merupakan satu sektor utama yang berpotensi diperkembang memandangkan bahawa sumbangannya kepada KDNK sebanyak 57 peratus masih rendah berbanding di negara maju.

Bagi memastikan potensi pertumbuhan sektor ini dapat dieksploitasikan sepenuhnya, kerajaan telah memperluaskan peranan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) sebagai agensi sehenti ala Perbadanan Pembangunan Industri Malaysia (MIDA) bagi sektor perkhidmatan terpilih untuk menarik dan membantu pelabur mendapatkan kelulusan pelaburan daripada pelbagai pihak.

Abdullah berkata, bahawa sejak krisis kewangan, kerajaan telah melaksanakan dasar fiskal mengembang bertujuan untuk merangsang kegiatan ekonomi domestik bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara kekal positif.

Langkah ini diambil sebagai usaha untuk menangani terutamanya pelaburan swasta yang telah terjejas.

Perdana Menteri berkata, pelaksanaan dasar itu telah mengakibatkan kedudukan kewangan kerajaan mengalami defisit dan menjejaskan pencapaian bajet berimbang yang disasarkan menjelang tahun 2005, semasa Rancangan

Malaysia Kelapan digubal.

Menurutnya, dengan sektor swasta dijangka kembali menerajui pertumbuhan ekonomi negara, kerajaan akan dapat meneruskan langkah konsolidasi fiskal.

Defisit kerajaan persekutuan akan dapat dikurangkan dari 5.4 peratus daripada KDNK tahun ini kepada 3.3 peratus pada 2004 dan 1.8 peratus pada 2005.

Seterusnya, kerajaan dijangka dapat mencapai matlamat bajet berimbang pada tahun 2006, kata Abdullah.

Bagi keseluruhan sektor awam, defisit bajet 2003 hanyalah sebanyak 1.5 peratus, jauh lebih rendah daripada defisit yang dibenarkan sebanyak tiga peratus di negara-negara kawasan Kesatuan Eropah.

Malahan, kata Abdullah, kerajaan menjangkakan kedudukan kewangan sektor awam akan mencapai lebihan dalam tahun 2004.

Menyentuh mengenai Skim Kredit Mikro untuk peniaga kecil dengan dana sebanyak RM1 bilion, beliau berkata memandangkan sambutan amat menggalakkan, dana itu dicadang ditambah sebanyak RM1 bilion lagi.

Sehingga akhir Oktober, hampir 30,000 permohonan bernilai RM445 juta diterima oleh Bank Pertanian Malaysia manakala hampir 85,000 permohonan bernilai RM1,419 juta diterima oleh Bank Simpanan Nasional.

Daripada jumlah itu, BPM dan BSN telah meluluskan separuh daripada permohonan bernilai RM578 juta manakala pinjaman yang telah dikeluarkan berjumlah RM518 juta. -- BERNAMA

MKO WNZ AHM